

# Malaysia bakal jadi 'negara tua' menjelang 2030

**Kuching:** Malaysia bakal muncul sebagai 'negara tua' menjelang 2030, berikutan peningkatan jumlah warga emas di seluruh negara antara 10 hingga 15 peratus sepanjang tempoh berkenaan.

Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Datuk Seri Rohani Karim, mendedahkan hasil kajian pihaknya mendapati ketika ini jumlah penduduk berusia 60 tahun ke atas sudah mencecah lapan peratus, malah dijangka

terus mencatatkan peningkatan.

## Tingkat had umur

"Biasanya, sesebuah negara ditakrifkan sebagai 'negara tua' apabila 10 atau 15 peratus daripada jumlah penduduknya terdiri daripada warga emas berusia 60 tahun ke atas. Malaysia antara negara menandatangani Konvensyen Vienna yang menetapkan 60 tahun sebagai usia warga emas.

"Kita pernah menerima ca-



Rohani Karim

dangan untuk meningkatkan had umur warga emas lebih daripada 60 tahun di negara ini. Bagaimanapun, ia tidak dipersetujui atas pelbagai faktor, termasuk implikasi dari segi pencen dan Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) jika dilaksanakan," katanya.

Beliau berkata demikian selepas merasmikan Majlis Syarahan Umum Penyandang

Kursi Kepimpinan Wanita anjuran bersama kementeriananya dan Pusat Kepimpinan Wanita Tun Fatimah Hashim, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) di Kompleks Islam Sarawak di sini, semalam.

Yang turut hadir Menteri Kebajikan, Wanita dan Pembangunan Keluarga Sarawak, Datuk Fatimah Abdullah; Naib Canselor UKM, Datuk Dr Noor Azlan Ghazali dan bekas Naib Canselor Universiti Malaya (UM), Tan Sri Rafiah Salim.

Antara negara di dunia yang mencapai status 'negara tua' termasuk Jepun dan Singapura berikutan pertambahan jumlah warga emas di negara berkenaan.

Rohani ketika mengulas lanjut, berkata hasil kajian turut mendapati jangka hayat golongan wanita di negara ini sekitar 79 tahun ke atas, manakala bagi lelaki pula 73 tahun.